



Guru Sabah Penerima Anugerah Asia Tenggara SWARA Awards 2025

Posted on December 10, 2025 by leonard




KENINGAU: Dr. Sirhajwan Idek, guru Bahasa Inggeris Kolej Vokasional (KV) Keningau, telah berjaya dipilih sebagai salah seorang penerima Sustainability Waste Awareness and Responsible Action Awards ataupun dikenali sebagai SWARA Awards anjuran Southeast Asian Regional Centre for Tropical Biology (SEAMEO BIOTROP) iaitu satu badan pendidikan yang berpangkalan di Bogor, Indonesia, yang diumumkan melalui majlis anugerah hybrid yang berlangsung pada 10 Disember 2025.




Daripada 12 finalis bagi anugerah ini, empat dipilih untuk menerima anugerah berupa sijil pencapaian, plak anugerah dan wang ringgit.

Empat anugerah yang diberi adalah amalan terbaik, konsep program terbaik, anugerah pilihan orang awam dan anugerah khas. Anugerah ini adakah merupakan satu penghargaan bagi inisiatif-inisiatif pengurusan sisa makanan di rantau Asia Tenggara yang telah memberi impak positif melalui pengurangan dan pemprosesan sisa makanan yang berkesan.



Dr. Sirhajwan Idek, satu-satunya finalis dari Malaysia, dipilih sebagai penerima anugerah khas atas usahanya membimbing dan membantu para pelajarnya di KV Keningau dalam menaik kitar atau upcycle sisa-sisa makanan seperti sisik ikan, buah-buahan dan nasi menjadi makanan, bahan kosmetik dan bahan pencuci di mana para pelajar ini telah memenangi anugerah dalam beberapa pertandingan, menerbitkan artikel ilmiah dalam jurnal serta ada yang berjaya menjual produk-produk tersebut.

Mereka juga telah melaksanakan kerja-kerja kesukarelawanan menggunakan produk inovasi mereka seperti membersihkan longkang sekolah dengan pencuci yang diperbuat daripada sisa makanan hijau. Malah, para pelajar ini beserta produk-produk ciptaan mereka telah mendapat liputan media tempatan.



Dia menamakan projek ini sebagai upcycled food waste social entrepreneurship ataupun perusahaan sosial sisa makanan naik kitar dalam penyertaannya untuk anugerah ini. Dr. Sirhajwan yang pernah menerima pengiktirafan terdahulu dengan usaha-usahanya mendidik Bahasa Inggeris dan memperbudayakan amalan inovasi di kolejnya seperti ELTons Innovation

2022 mengemukakan bahawa, peranan berkesan guru adalah memahami, sebagai sumber inspirasi dan motivasi.

Pengarah KV Keningau, Lumang Anak Lang, mengucapkan tahniah terhadap pencapaian guru ini dan pengiktirafan ini adalah bukti bahawa profesion perguruan adalah satu tugas dan tanggungjawab yang sangat penting dalam memangkin perubahan yang berimpak terhadap masyarakat dan alam persekitaran melalui peranan mereka sebagai pendidik.

Posted in Berita Am

< Previous: Polis siasat kejadian pelancong cedera

Next: Cara unik satu keluarga di Penampang kongsi erti sebenar krismas dengan masyarakat >

Related Posts



BERITA AM · POLITIK · TEMPATAN · WILAYAH SABAH

PRN Sabah Ke-17: Tumpukan kepada Pengundi Muda dan Atas Pagar

Ray Bull 📅 July 10, 2025 🗨️ 0

Kota Kinabalu, 10 Julai 2025 – Pengundi muda dan golongan atas pagar dijangka menjadi antara kumpulan paling signifikan dalam menentukan keputusan Pilihan Raya Negeri Sabah [...]



BERITA AM · SOSIAL

Rakyat tidak mahu budaya, fikiran ekstrem membiak di Sabah

TV Sabah 📅 April 12, 2025 🗨️ 0

KOTA KINABALU: Rakyat Sabah yang sudah lama mengamalkan keharmonian kaum dan ugama rata-rata menganggap insiden di mana seorang bukan Islam dimarahi dan ditampar oleh serong [...]

